

KHUTBAH JUMAAT

“IBRAH DARIPADA HIJRAH”

(27 Jun 2025M/ 1 Muharam 1447H)

الْحَمْدُ لِلّٰهِ، الْحَمْدُ لِلّٰهِ عَلٰى إِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلٰى تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ.
وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلّٰا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيْمًا لِشَائِنِهِ. وَأَشْهُدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الدَّاعِيٌّ إِلٰى رِضْوَانِهِ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ
عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيْكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللّٰهِ عَزَّ وَجَلَّ،
فَهِيَ وَصِيَّةُ اللّٰهِ لِلأَوَّلِينَ وَالآخِرِينَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita memperoleh kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Bersemepena dengan sambutan tahun baru 1447 Hijriyyah pada hari ini, maka khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk '*Ibrah Daripada Hijrah*'.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Penentuan tahun Hijrah ini telah dibuat pada zaman Khalifah Umar bin al-Khattab *radiallahu anhu*. Beliau telah memilih peristiwa hijrah Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* sebagai detik bermulanya kalender Islam. Antara tujuannya ialah supaya kita mengingati

peristiwa tersebut, yang mencerminkan kemenangan Islam, dan menjadi pemisah antara yang hak dengan yang batil.

Apabila kita menghayati peristiwa hijrah Nabi *sallallahu alaihi wasallam* kita menyaksikan bahawa hijrah bukan sahaja memaparkan erti keimanan, pengorbanan, keikhlasan, ketahanan, keyakinan dan keberanian, tetapi hijrah juga menyelitkan unsur kebijaksanaan serta kepentingan perancangan dan strategi.

Peristiwa hijrah Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* tidak berlaku dalam sekelip mata atau secara kebetulan sahaja. Ia telah dirancang dan disusun dengan rapi oleh Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*. Walaupun peristiwa hijrah berlaku pada tahun 622 Masihi, tetapi Baginda *sallallahu alaihi wasallam* telah merangka taktik dan strategi dengan cukup teliti lebih awal lagi. Bahkan kita menyaksikan usaha yang dijalankan Baginda *sallallahu alaihi wasallam* melalui dakwahnya ke Taif pada tahun ke-10 hijriyah. Juga dakwah Nabi *sallallahu alaihi wasallam* semasa musim Haji kepada 26 kabilah arab, mengajak mereka menerima Islam. Semuanya menolak ajakan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*.

Sehingga Allah *subhanahu wata'ala* pertemukan Nabi *sallallahu alaihi wasallam* dengan golongan Ansar daripada kota Madinah. Mereka bukan sahaja menerima Islam, bahkan bersedia untuk menerima Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* dan para sahabatnya berhijrah ke Madinah. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Hasyr, ayat 9 yang bermaksud:

Dan orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang yang berhijrah itu; dan mereka juga mengutamakan orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang yang berjaya.

Setelah persetujuan kaum Ansar tersebut, Baginda *sallallahu alaihi wasallam* sekali lagi merancang proses penghijrahan, dengan membenarkan sebahagian sahabat untuk berhijrah terlebih dahulu. Sementara sahabat lain termasuklah Nabi *sallallahu alaihi wasallam* sendiri menangguhkan penghijrahan mereka supaya kaum Musyrikin Makkah tidak mengetahui perancangan mereka.

Lihatlah betapa telitinya perancangan Nabi *sallallahu alaihi wasallam* Hal ini sekaligus mencerminkan kebolehan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* untuk melihat ke hadapan, dan melaksanakan rancangan jangkamasa panjang.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Walaupun peristiwa hijrah telah berlaku hampir 1500 tahun dahulu, tetapi kisah itu telah menyediakan contoh yang amat bermakna kepada kita. Melalui peristiwa hijrah Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* ini tersingkap beberapa pengajaran yang sangat penting yang dapat kita perolehi faedahnya bersama.

Pertama: Bertawakal dan berkeyakinan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dapat membina daya kekuatan bagi insan.

Sekiranya kita meneliti usaha yang telah dibuat oleh Nabi *sallallahu alaihi wasallam* sebelum peristiwa hijrah lagi, kita akan mendapati bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah berusaha bukan sekali dua, akan tetapi lebih daripada 26 percubaan berdakwah dengan kabilah-kabilah arab, bagi mengajak mereka kepada Islam.

Mungkin bagi segelintir individu akan mudah berputus asa setelah beberapa kali berusaha dan menemui kegagalan. Melalui peristiwa hijrah, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* mendidik kita agar mempunyai keyakinan yang kuat dan mantap bahawa Allah *subhanahu wata'ala* adalah penentu segala-galanya dan tidak mudah berputus asa. Apa yang dituntut daripada kita adalah kegigihan dalam berusaha, manakala hasil dan natijahnya merupakan ketetapan dan ketentuan illahi sepenuhnya. Sifat tawakal dan reda ini akan menjadikan hati kita kuat, seterusnya menjadi dorongan untuk terus menambahbaik usaha kita pada setiap masa.

Allah *subhanahu wata'ala* telah menetapkan nasib setiap insan. Oleh itu, insan wajib berusaha untuk mencapai kejayaan dengan bersungguh-sungguh. Jika usaha yang dilakukan adalah bersungguh-sungguh, maka keputusan yang diperolehi juga, insya Allah akan memuaskan. Dan sekiranya usahanya kurang, maka keputusan yang diperolehinya juga mungkin akan kurang memuaskan. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Ra'ad ayat 11:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ ...

Maksudnya: ... Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri ...

Kedua: Usaha melakukan perubahan dan perpindahan kepada sesuatu yang lebih baik, kita pasti akan merasakan keperitan atau menghadapi cabaran.

Penghijrahan Nabi *sallallahu alaihi wasallam* dan para sahabatnya dihiasi dengan cabaran, keperitan, kepayahan dan bermacam lagi kesulitan. Namun, keikhlasan dan kecekalan yang mereka perolehi hasil daripada iman yang kukuh menjadikan mereka mampu mengharungi semuanya.

Sebagai contoh, seorang sahabat Nabi *sallallahu alaihi wasallam* yang bernama Abu Salamah *radiallahu anhu*, ketika ingin keluar meninggalkan Makkah, dia dan ahli keluarganya telah dihalang oleh kabilah masing-masing. Isteri Abu Salamah iaitu Ummu Salamah *radiallahu anha* telah ditahan untuk tinggal bersama kabilahnya manakala anak lelaki Abu Salamah pula telah ditahan oleh keluarga Abu Salamah. Maka berangkatlah Abu Salamah *radiallahu anhu* ke Madinah seorang diri.

Tidak dapat kita bayangkan keperitan mereka terpisah sebagai sebuah keluarga hanya kerana ingin menyelamatkan keimanan mereka. Namun berkat kecekalan, keikhlasan dan doa tulus,

akhirnya keluarga Abu Salamah dan Ummu Salamah telah membenarkan keluarga itu bersama semula.

Kisah ini mengingatkan kita supaya menghadapi kepayahan dalam melakukan perubahan ke arah kebaikan dengan hati yang cekal. Hadapkan harapan kita kepada Allah *subhanahu wata'ala* kerana Dia lah yang akan akhirnya mengurniakan kita kebahagiaan dan kejayaan. Ini adalah sunnatullah pada ciptaan-Nya bahawa untuk setiap kesulitan yang kita lalui, pasti akan ada kebaikan dan hikmah yang terbit daripadanya. Jangan pernah berputus harapan dengan rahmah Allah *subhanahu wata'ala* kerana itulah sunnah Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* dan jalannya mereka yang direndai Allah *subhanahu wata'ala*.

Ketiga: Kepentingan merancang dalam melaksanakan pekerjaan. Salah satu pengajaran yang boleh diteladani ialah kepentingan pemikiran strategik dan perancangan yang baik. Kita dapat lihat betapa hebatnya strategi Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* dalam merancang untuk berhijrah ke Madinah.

Peristiwa hijrah ini menunjukkan bahawa Islam mementingkan kebijaksanaan dalam perancangan. Ia merupakan suatu proses jangka panjang yang dilakukan secara terancang dan teratur bukan sahaja dari segi fizikal tetapi juga dari sudut rohani. Walaupun Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* sudah diberi jaminan keselamatan oleh Allah *subhanahu wata'ala* tetapi Baginda *sallallahu alaihi wasallam* tetap berusaha bersungguh-sungguh bagi mencapai kejayaan dan menegakkan syiar Islam.

Budaya berusaha dengan gigih dan teratur inilah yang perlu kita terapkan dalam kehidupan. Kita tidak mahu menjadi masyarakat yang hanya melaungkan slogan bahawa kita adalah umat yang terbaik sedangkan kita tidak memberikan yang terbaik sama ada di dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat bahkan dalam kerjaya dan pembelajaran kita. Ia hanya akan merugikan kita kelak.

Semoga dengan sedikit kisah peristiwa hijrah yang amat bermakna ini mampu menjadi inspirasi untuk kita terus mempertingkatkan iman dan amal kepada Allah *subhanahu wata'ala*, serta perjuangan memperbaiki taraf kehidupan ke arah cara hidup yang direndai oleh Allah *subhanahu wata'ala*. Dengan niat, ilmu, usaha dan perancangan yang baik, mudah-mudahan kita dapat mencapai kejayaan dan kesejahteraan di dunia dan akhirat.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, beberapa intipati yang boleh kita ambil sebagai pedoman;

Pertama : Hijrah bukan sahaja memaparkan erti keimanan, pengorbanan, keikhlasan, ketahanan, keyakinan dan keberanian, malah unsur kebijaksanaan, kepentingan perancangan dan strategi.

Kedua : Iman dan tawakal kepada Allah *subhanahu wata'ala* dapat membina daya kekuatan bagi insan.

Ketiga : Umat Islam tidak boleh berputus asa kerana setiap kesulitan yang dilalui, pasti ada kebaikan dan hikmah daripadanya.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah subhanahu wata'ala dalam Surah at-Taubah, ayat 100 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَالسَّابِقُونَ الْأَوَّلُونَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ وَالَّذِينَ أَتَبْعَوْهُمْ بِإِحْسَانٍ
رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ وَأَعَدَ اللَّهُمْ جَنَّاتٍ تَحْرِي تَحْتَهَا الْأَنْهَارُ خَلِدِينَ
فِيهَا أَبَدًا وَذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ (١٠٠)

Maksudnya: *Dan orang yang terdahulu - yang mula-mula (berhijrah dan memberi bantuan) dari orang "Muhajirin" dan "Ansar", dan orang yang menurut (jejak langkah) mereka dengan kebaikan (iman dan taat), Allah reda akan mereka dan mereka pula reda akan Dia, serta Ia menyediakan untuk mereka Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; itulah kemenangan yang besar.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ . أَقُولُ
قَوْلِيْ هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمْرَ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita terus mengimarahkan masjid dan surau dengan menunaikan solat fardu secara berjemaah dan majlis ilmu. Perkukuhkanlah perpaduan ummah dengan rasa hormat dan taat kepada para pemimpin serta kasih sayang sesama masyarakat demi kestabilan, kemakmuran dan keharmonian masyarakat di Sarawak. Pastikan rezeki yang kita perolehi adalah halal lagi baik. Selain itu, kita hendaklah bersungguh-sungguh menghindarkan diri dan ahli keluarga daripada terjebak dengan penyalahgunaan dadah dan perjudian, agar kehidupan kita selamat, bahagia dan sejahtera.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوٰةٌ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا (٥٦)

Maksudnya: Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi

(*Muhammad sallallahu alaihi wasallam*); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya, serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى أُلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلِّ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمَيْنَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيَيْنَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan, keamanan, keselesaan dan kemenangan dalam menghadapi musuh yang sentiasa menganggu mereka. Angkatkanlah dan hilangkanlah daripada mereka bala bencana, kesedihan, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan sifat terkeji yang menyeleweng daripada peraturan dan undang-undang negara. Jauhilah kami dan keturunan kami daripada penyalahgunaan dadah. Jadikanlah kami ummah yang berkualiti, berintegriti serta cemerlang demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam seluruh nilai kehidupan kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan kefaian serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit dan kesempitan hidup.

رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ،
أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ
الْفُحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرُكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةِ.